

CTSB NEWSLETTER

1. PENERIMAAN PROJEK SISTEM KEWANGAN BERSEPADU UNIVERSITY COLLEGE MAIWP INTERNATIONAL (UCMI)

07/07/2023 (JUMAAT)

Usahasama dan kerjasama yang telah termeterai di antara kedua pihak iaitu bersama pihak UCMI dan CTSB. Penerimaan dan tandatangan projek bagi Pembekalan, Pemasangan, Konfigurasi, Pengujian dan Pentauliahkan Sistem Kewangan Bersepadu UCMi telah dijalankan. Sesi kick off juga telah dijalankan pada 18hb Julai 2023 (Selasa) bagi permulaan pengenalan dan objektif projek.



2. PERBINCANGAN BERKAITAN API GIS DI MAJLIS DAERAH TANGKAK (MDT)

10/07/2023 (ISNIN)

Satu sesi perbincangan berkaitan API GIS bersama pihak MDT dan vendor berkaitan di Pejabat Majlis Daerah Tangkak. Perbincangan tersebut merujuk kepada usahasama dalam mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh pihak vendor dan MDT. Pihak MDT sebagai perantara akan membincangkan keperluan selanjutnya kepada vendor setelah melakukan perbincangan dalaman.

Perbincangan dihadiri oleh: Nur Fadhzillah, Siti Khairatul Fakriyah & Mohd Khairul Ikhwan

3. PERBINCANGAN BERKAITAN NAIKTARAF MODUL KEWANGAN EPBT3.0 MAJLIS DAERAH LABIS (MDL)

10/07/2023 (ISNIN)

Satu sesi perbincangan berkaitan naiktaraf modul kewangan sistem ePBT 3.0 bersama Majlis Daerah Labis (MDL). Perbincangan tersebut diadakan di Level 30, Menara MSC Cyberport. Perbincangan pelaksanaan naiktaraf tersebut membincangkan hala tuju dan garis masa yang dijangka akan melaksanakan naiktaraf bagi modul kewangan ePBT3.0 tersebut.

Perbincangan dijalankan oleh: Suhana Nasir dan Siti Zawanah.

4. PENERIMAAN LANTIKAN SEBUTHARGA PEMBELIAN PERKAKASAN BAGI MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI (MDKT)

11/07/2023 (SELASA)



Penerimaan lantikan bagi sebutharga pembelian perkakasan telah diserahkan sendiri oleh Tuan Yang Dipertua MDKT iaitu Mohammad Nazrul bin Abd Rahim. Penyerahan lantikan tersebut diadakan di Pejabat YDP Majlis Daerah Kota Tinggi. Pengenalan syarikat dan ucapan tahniah atas lantikan tersebut oleh YDP sendiri bagi memastikan hasrat beliau dalam kelancaran projek yang telah dilantik tersebut.

5. MESYUARAT TEKNIKAL BERSAMA PEGAWAI MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)

12/07/2023 (RABU)

Satu mesyuarat teknikal berkaitan isu-isu yang berbangkit berkaitan sistem dan proses kerja telah diadakan di Majlis Bandaraya Kuantan.

Mesyuarat tersebut diadakan secara sekali bagi setiap bulan bagi memastikan kelancaran penggunaan sistem dan pemahaman berkaitan proses kerja dapat dicapai.

Justeru, ia adalah bagi memastikan hasrat Datuk Bandar MBK dalam penggunaan penuh pendigitalan dapat dilaksanakan di MBK.

Perbincangan ini dihadiri oleh: Puan Arina, En Ramlee dan Team Kuantan CTSB.

6. HI-TEA FARAWELL BAGI HJ ZAMRI BIN ZAKARIA (PROJECT MANAGER CTSB)

27/07/2023 (KHAMIS)



Jamuan Hi-Tea Farewell kepada Hj Zamri selaku memegang jawatan sebagai Pengurus Projek sepanjang tempoh setahun di CTSB. Justeru itu, jamuan ini adalah bagi menghargai jasa, khidmat tenaga dan masa yang telah dicurahkan dengan baik sepanjang di syarikat.

Semoga berjaya dan semoga sentiasa diberikan kesihatan yang baik.